



Kenyataan Akhbar

BELIA OKU DAN ORANG ASLI SERTAI PROGRAM TUBE 5.0

Bukit Jalil, 31 Mac 2018 – 28 belia Orang Kelainan Upaya (OKU) dan 7 orang asli merupakan sebahagian daripada 1,989 peserta dari seluruh negara yang menyertai Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 5.0 tahun ini bagi dilatih dan dipersiapkan untuk menceburi bidang perniagaan. Program TUBE 5.0 tahun 2018 yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia melabuhkan tirainya pada hari ini dengan Majlis Penutup dan penyampaian sijil kepada peserta TUBE 5.0 yang berjaya menamatkan Fasa 1 dan Fasa 2. Majlis Penutup Peringkat Kebangsaan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Ir (Dr) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid, Penggerusi SME Corp. Malaysia di Stadium Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Program TUBE telah dikenalpasti mampu untuk membantu memperkasa modal insan Bumiputera di bawah agenda Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) yang dilaksanakan oleh Kerajaan kerana bersifat inklusif.

Program TUBE 5.0 yang telah berlangsung selama 3 minggu bermula dari 9-29 Mac 2018 di 16 kem latihan di seluruh negara. Tahun lalu, hanya 997 peserta dilatih berbanding hampir 2,000 orang pada tahun 2018. Dengan pertambahan bilangan peserta pada tahun ini, TUBE 5.0 dilihat mampu meningkatkan lagi pencapaian dari segi jualan tahunan dan peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh para peserta. Sejak dilaksanakan mulai tahun 2014 sehingga 2017, sejumlah 2,433 belia telah dilatih dan dipersiapkan untuk menceburi bidang perniagaan. Daripada jumlah tersebut, 2,419 usahawan belia (99%) telah mendaftarkan perniagaan dengan RM54.6 juta nilai jualan terkumpul dicatatkan. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 4,414 peluang pekerjaan baharu.

Format yang sama tetap dikekalkan pada tahun ini kerana pelaksanaan program melalui 3 Fasa ini dilihat sangat berkesan dan holistik dalam mencapai matlamat untuk menggalakkan lebih ramai generasi muda untuk bertukar dari pekerja kepada

pemilik perniagaan sebagai kerjaya. Seperti tahun-tahun sebelum ini, para peserta yang berjaya menamatkan Fasa 1 (Latihan Fizikal) dan 2 (Bengkel Perniagaan) program TUBE 5.0 ini akan diberikan geran untuk memulakan perniagaan sebanyak RM15,000.

Selain geran untuk memulakan perniagaan, peserta terbaik dari setiap kem telah menerima RM1,000 seorang sumbangan Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya (GMB) Malaysia, manakala peserta yang mengemukakan Rancangan Perniagaan terbaik dari setiap kem pula diberikan ganjaran wang tunai bernilai RM2,500 tajaan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Maybank Islamic sebagai Bank Rasmi Program TUBE tahun ini turut menawarkan kadar fi pembukaan akaun serendah RM100 berbanding kadar biasa iaitu RM2,000 bagi pembukaan Akaun Semasa Khas untuk semua peserta Program TUBE 5.0. Fasa 3 pula akan diteruskan selepas ini di mana seorang kaunselor perniagaan SME Corp. Malaysia serta Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) akan ditugaskan untuk memberi khidmat nasihat perniagaan di samping memantau dan melaporkan status perniagaan terkini para peserta melalui sistem “buddy”.

Program ini merupakan usahasama strategik bersama lebih daripada 35 rakan strategik di peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan TERAJU di bawah JPM, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia melalui UKM-CESMED dan 15 pusat keusahawanan di seluruh negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Kumpulan SME Bank, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Jabatan Pembangunan Wanita, Permodalan Usahawan Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Persatuan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia, 9TERAJU Malaysia Exclusive, Syarikat ABX Express (M) Sdn. Bhd., Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Majlis Penutup Program TUBE 5.0 Peringkat Kebangsaan ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smecorp.gov.my) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 (muizzyusof@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORPORATION MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

Laman Web: www.smecorp.gov.my e-mel: info@smecorp.gov.my

SME CORP. MALAYSIA

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.